

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 31 Mei 2021 21:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Notis Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM - Urusan keluar dan masuk pelajar sedia ada di kampus sepanjang tempoh "Total Lockdown" Fasa Pertama di seluruh negara mulai 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021
Attachments: NOTIS URUSAN PELAJAR KELUAR DAN MASUK KAMPUS TOTAL LOCKDOWN FASA PERTAMA.pdf



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

31 MEI 2021 / 19 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:



**NOTIS PEJABAT
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEPA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**URUSAN KELUAR DAN MASUK PELAJAR SEDIA ADA DI KAMPUS
SEPANJANG TEMPOH “TOTAL LOCKDOWN” FASA PERTAMA DI SELURUH
NEGARA MULAI PADA 1 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021**

Sepertimana sedia maklum, Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 28 Mei 2021 telah memaklumkan berkaitan penutupan penuh sector sosial dan ekonomi ataupun “total lockdown” fasa pertama di seluruh negara **selama 14 hari mulai pada 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021** bagi membendung penularan virus COVID-19 di dalam negara.

Merujuk kepada Surat Pekeliling Pendaftar Bilangan 16 Tahun 2021 bertarikh 31 Mei 2021 dan keputusan Pengurusan Tertinggi Universiti berkaitan perkara ini, maka adalah diputuskan bahawa universiti akan melaksanakan Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya di kampus induk UUM Sintok dan kampus cawangan UUMKL mulai pada 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 atau suatu tarikh lain yang diumumkan oleh Kerajaan atau Universiti dari semasa ke semasa (kecuali perkhidmatan “essential” dengan kehadiran maksima 20%). Sehubungan itu, Universiti juga telah memutuskan agar sepanjang tempoh tersebut semua pelajar perlu mematuhi perkara berikut:

1. Sebarang urusan pelajar untuk **keluar atau masuk ke dalam kampus adalah DILARANG sama sekali kecuali dengan KEBENARAN KHAS** daripada pihak Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dekan Hal Ehwal Pelajar atau Pengarah Pusat Penginapan Pelajar (SAC) sahaja.
2. Bagi sebarang urusan kecemasan untuk keluar kampus dalam tempoh “lockdown” ini, boleh menghubungi Petugas di Bilik Gerakan Pengurusan Bencana UUM (waktu pejabat sahaja) atau Pengetua INASIS masing-masing (selepas waktu pejabat).
3. Operasi kafetaria dan premis perniagaan di dalam kampus adalah seperti biasa mengikut garis panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN). (sila rujuk Notis SAC).
4. Bagi pelajar yang berada di kampus perlu mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sekiranya bergejala.
5. Pelajar sama sekali tidak dibenarkan keluar dari bilik di INASIS masing-masing atau berkeliaran pada waktu siang atau malam kecuali bagi urusan membeli makanan atau mendapatkan rawatan di PKU.

6. Pelajar juga tidak dibenarkan untuk berkeliaran luar dari INASIS selepas jam 8.00 malam.
7. Sebarang aktiviti pelajar secara berkumpulan atau secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.
8. Sebarang aktiviti SUKAN adalah tidak dibenarkan kecuali aktiviti *Joging* dan senaman secara bersendirian sahaja.
9. Pelajar disarankan untuk **mengamalkan 3W (*Wash, Wear, Warn*) dan menghindari 3C (*Crowded Places, Confined, Closed Conversation*)**.
10. Segala aktiviti kampus adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
11. Semua pelajar diminta untuk mengamalkan norma baharu serta mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan Universiti.
12. Pelajar diminta mengambil maklum dan melaksanakan tindakan seperti yang ditetapkan. **Tindakan tatatertib akan diambil ke atas pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan di atas.**
13. Sebarang pertanyaan berkaitan notis ini boleh menghubungi talian *hotline* di bawah:

TALIAN HOTLINE:

Pusat Gerakan	No. Telefon	Waktu Operasi
Bilik Gerakan Pengurusan Bencana UUM Lokasi: Bilik Mesyuarat SAC	04-928 4177	Ahad hingga Rabu: jam 8.30 pagi hingga jam 5.00 petang Khamis: jam 8.30 pagi hingga jam 3.30 petang
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	04-928 3020/3021/3023 *emel: hendrik@uum.edu.my jamaat@uum.edu.my	
Pejabat Dekan Hal Ehwal Pelajar	No. Pejabat: 04-928 4010 No. H/P: 019-4151201 Emel: ady@uum.edu.my	
Pejabat Pengarah Hal Ehwal Pelajar	No. Pejabat: 04-9284013 No. H/P: 013-4388811 Emel: azman127@uum.edu.my	
Pejabat Pengarah Pusat Penginapan Pelajar (SAC)	No. Pejabat: 04-9284151 No. H/P: 019-5756156 Emel: lina.ab@uum.edu.my	

Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	04-928 2525 Selepas waktu bekerja, sila hubungi pegawai atas panggilan: 013-5930028	
Pejabat Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD)	PM. Dr. Rajwani Md. Zain No. H/P: 013-4830900 Encik M. Shahadat Ali Nordin No. H/P: 014-6791007	
Pejabat Pusat Kaunseling	No. Pejabat: 04-928 4060 No. H/P: 019-3462220	
Jabatan Keselamatan	04-928 3333/2416	
		Setiap hari - 24 jam

Notis ini adalah **berkuatkuasa mulai pada 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021** dan tertakluk kepada arahan serta pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. HENDRIK LAMSALI

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Universiti Utara Malaysia

Tarikh: 31 Mei 2021



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.